

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2014

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGAWAL PERBELANJAAN AWAM – 11 LANGKAH PENJIMATAN (Pindaan Surat Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2014)

TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan Surat Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2014 Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam.

LATAR BELAKANG

2. 11 langkah penjimatan yang dikeluarkan pada Januari 2014 diteliti semula oleh Perbendaharaan sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan PB3.2/2013 yang boleh dicapai melalui <http://www.treasury.gov.my/pekeliling/topik/PB3.2.pdf>

PINDAAN LANGKAH PENJIMATAN

3.1 Selaras dengan langkah penjimatan yang diperincikan semula, Universiti akan melaksanakan perubahan seperti berikut:

(a) Pegawai Kanan Kerajaan akan menerima semula Imbuhan Tetap Keraian pada kadar asal tanpa sebarang pengurangan mulai bayaran emolumen bulan Julai 2014.

(b) Kelayakan tempat duduk penerbangan untuk perjalanan adalah seperti berikut:

i. Penerbangan di dalam negeri (domestik):

Gred/Pangkat 53 dan ke atas	(Kelas Perniagaan)
52 dan ke bawah	(Kelas Ekonomi)

ii. Penerbangan ke luar negeri (antarabangsa):

Gred/Pangkat Utama/Khas A dan ke atas	(Kelas Satu)
Utama/Khas B dan C	(Kelas Perniagaan)
54 dan ke bawah	(Kelas Ekonomi)

Kekerapan perjalanan atas tugas rasmi ke luar negara bagi Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Jabatan adalah dihadkan kepada maksimum empat (4) kali setahun.

(c) Pegawai akan menerima semula nilai maksimum kemudahan bayaran tol sebanyak RM500 seperti mana ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 4.1/2013 Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

3.2 Tempahan Tiket Penerbangan

(i) Bagi tempahan tiket penerbangan sektor penerbangan di dalam negeri (domestik), , pegawai boleh menempah tiket penerbangan menggunakan kad korporat PTJ masing-masing berdasarkan kepada harga pasaran dan mengikut kelayakan pegawai.

(ii) Bagi sektor penerbangan ke luar negeri (antarabangsa), tempahan tiket adalah seperti berikut:

Pegawai Gred Utama/Khas A dan ke atas	Kelas Satu
Pegawai Gred Utama B dan C	Kelas Perniagaan

Pegawai Gred 54 dan ke bawah:

- (a) bagi perjalanan kurang daripada empat (4) jam, tempahan tiket adalah berdasarkan Kelas Ekonomi mengikut harga pasaran;
- (b) bagi perjalanan melebihi empat (4) jam (dikira dari waktu pelepasan terakhir) ke luar negeri yang menggunakan Sistem Penerbangan Nasional (Malaysia Airlines - MAS), dibenarkan mengguna kadar tambang tiket Kelas Ekonomi mengikut harga International Air Transport Association (IATA) bagi melayakkan untuk dinaiktaraf kepada Kelas Perniagaan; dan
- (c) bagi perjalanan yang melibatkan beberapa penerbangan (transit) dalam hari yang sama menggunakan syarikat penerbangan selain daripada MAS, kelayakan adalah berdasarkan Kelas Perniagaan mengikut harga pasaran.

Tanpa menjejaskan kemudahan di perenggan di atas, bagi perjalanan yang melibatkan kombinasi MAS dengan penerbangan


asing, harga IATA hendaklah diguna pakai sekiranya harga pasaran lebih mahal.

TARIKH KUAT KUASA

4. Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan tugas



ZAINUDIN BIN OTHMAN
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

Ⓟ Ogos 2014

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar